

Hadiah ulang tahun ke-50 UKM

Kuala Lumpur: Laporan Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2021, baru-baru ini, menyaksikan kelima-lima universiti penyelidikan negara menunjukkan peningkatan amat membanggakan dengan berada dalam kelompok 200 terbaik dunia dan *Top 1% in the World*, berbanding tahun sebelumnya.

Lima universiti terbabit ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) tersenarai dalam QS World University Rankings 2021.

UKM mencatat kecemerlangan apabila berjaya meningkatkan kedudukan sebanyak 19 anak tangga iaitu daripada kedudukan ke-160 pada tahun lalu kepada kedudukan ke-141 menerusi penarafan kali ini.

Dalam perkembangan lain, UKM turut berada pada kedudukan ke-160 dalam penarafan Times Higher Education (THE) Asia University Rankings 2020 yang diumumkan pada 3 Jun lalu berbanding keputusan tahun lalu yang meletakkan universiti itu pada kedudukan ke-170.

Sebanyak lima indikator *Ainial* menerusi THE iaitu *research, citation, teaching, industrial income* dan *international outlook*, malah UKM turut mendapat markah tertinggi dalam *international outlook* dengan skor 52.9.

Naib Canselor UKM, Prof Da-



Prof Datuk Ir Dr Mohd Hamdi Abd Shukor



Prof Datuk Ir Dr Wahid Omar

tuk Ir Dr Mohd Hamdi Abd Shukor, berkata kedudukan universiti itu yang meningkat dalam kedua-dua penilaian berkenaan adalah berita baik bagi seluruh warganya.

Beliau berkata, peningkatan diraih menunjukkan bahawa UKM berada pada landasan



Universiti Kebangsaan Malaysia tersenarai pada kedudukan ke-141 dalam QS World University Rankings 2021 (Foto hiasan)

yang betul dalam peningkatan kualiti dan pelaksanaan rancangan strategik universiti itu.

"Saya melihat ini sebagai hadiah kepada UKM yang baru sahaja menyambut ulang tahun ke-50 tahun ini. Penghargaan juga diberikan kepada profesor, pensyarah, pengurusan, kakitangan dan pelajar atas usaha dan sumbangan mereka yang gigih ke arah kecemerlangan UKM. Tahniah kepada semua Warga UKM.

"Penilaian kedudukan universiti adalah satu daripada banyak instrumen untuk menanda aras UKM dengan institusi lain. Saya percaya bahawa jika kita terus memperkukuhkan asas dalam penyelidikan, pendidikan dan perkhidmatan, hasilnya akan menjadi lebih baik," katanya kepada *BH Varsiti*.

Sementara itu, UTM meneruskan kecemerlangan dan mengukuhkan penjenamaan di mata dunia apabila buat julung kalinya berjaya melepasi tangga 200 universiti terbaik di dunia melalui keputusan kedudukan terkini QS World University Rankings 2021.

Naib Canselor UTM, Prof Datuk Ir Dr Wahid Omar, berkata bagi edisi 2021, universiti itu telah menunjukkan peningkatan memberangsangkan sebanyak 30 kedudukan ke tangga ke-187 berbanding kedudukan ke-217 tahun lalu iaitu peningkatan yang tertinggi dalam kalangan universiti penyelidikan di negara ini.

"Prestasi UTM meningkat naik melalui beberapa indikator yang dinilai seperti menerima reputasi majikan yang baik dan mempunyai tahap sumber penga-

jaran yang kondusif berdasarkan nisbah fakulti kepada pelajar.

"UTM juga telah tersenarai dalam kelompok 100 teratas bagi kategori Kejuruteraan dan Teknologi membuktikan universiti ini berada pada landasan tepat dalam melahirkan pakar bertaraf global dalam bidang tersebut," katanya.

Prof Wahid berkata, pencapaian memberangsangkan itu adalah hasil sinergi semua warga universiti dalam usaha mendidik masyarakat melalui pembelajaran sepanjang hayat dan demi mensejahterakan kehidupan.

"Pencapaian melalui intensiti, pengiktirafan industri dan impak penyelidikan menunjukkan kesungguhan universiti ini telah membuahkan hasil seterusnya mendapat pengiktirafan antarabangsa," katanya.